

Pegawai jadi calon boleh berhenti 24 jam

16 NOV 1999

Oleh ZULKIFLI ABDULLAH

PULAU PINANG 15 Nov. — Pegawai-pegawai kanan kerajaan yang berhasrat menyertai politik dan bertanding dalam pilihan raya umum tidak lama lagi boleh menghantar notis berhenti kerja dalam tempoh 24 jam.

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Abdul Halim Ali berkata, mereka yang hendak berbuat demikian juga dikenakan syarat membayar sebulan gaji sebagaimana yang diperuntukkan dalam perkhidmatan awam.

Bagaimanapun kata beliau, setakat ini belum ada pegawai-pegawai kanan kerajaan yang telah menghantar notis berhenti kerja untuk menyertai politik.

“Saya tidak menerima sebarang permohonan. Saya juga tidak dimaklumkan bahawa kemungkinan beberapa pegawai kanan kerajaan lain akan bertanding atas tiket Barisan Nasional (BN),” katanya.

Beliau menyatakan demikian kepada pemberita selepas menutup majlis sambutan ulang tahun ke-30 Universiti Sains Malaysia (USM) di sini hari ini.

Sebelum itu beliau ditanya sama ada terdapat pegawai kanan kerajaan yang berhasrat untuk bertanding pada pilihan raya

umum kali ini telah menghantar notis untuk berhenti kerja kepada ketua-ketua jabatan masing-masing.

Dalam hubungan ini Abdul Halim menegaskan, semua pegawai pengurusan kerajaan tidak boleh mengambil bahagian secara aktif dalam politik dan menentang pemerintah yang ada sekarang.

Katanya, beliau juga telah mengarahkan ketua-ketua jabatan supaya meneliti dan menyiasat mana-mana pegawai yang terlibat secara aktif dalam politik.

Tatatertib

“Siasatan terperinci perlu dilakukan sebelum tindakan tatatertib diambil terhadap mereka,” kata beliau.

Beliau mengingatkan setiap pegawai kerajaan supaya bersikap berkecuali dan tidak terlibat dengan mana-mana kempen parti politik termasuk parti kerajaan.

Dalam pada itu Abdul Halim juga berkata, beliau tidak mendapat sebarang petunjuk daripada pucuk pimpinan tertinggi negara sama ada beliau dicalonkan pada pilihan raya umum kali ini atau sebaliknya.

Beliau yang menyifatkan perkara tersebut sebagai spekulasi media semata-mata hairan bagaimana namanya disebut-sebut antara

pegawai kanan kerajaan yang akan menjadi calon BN.

“Saya tidak mendapat apa-apa petunjuk daripada pihak pucuk pimpinan tertinggi kerajaan mengenai perkara ini dan adalah sukar untuk saya membuat komen,” katanya.

Di Alor Setar semalam, Abdul Halim memberitahu beliau akan memberi pertimbangan sekiranya ada tawaran rasmi agar beliau bertanding pada pilihan raya umum tidak lama lagi.

Seorang lagi pegawai kanan yang disebut-sebut akan bertanding ialah Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Aseh Che Mat.

“Sekarang saya tidak mahu komen yang akan menambah spekulasi yang berlaku dan saya tidak tahu macam mana media massa boleh menulis ini semua,” ujar Abdul Halim sambil meminta para pemberita menunggu hari penamaan calon sama ada namanya ada atau tidak.

Kata Abdul Halim, semua orang tahu bahawa Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad belum membuat sebarang keputusan berhubung soal calon, jadi bagaimana namanya boleh dikaitkan kononnya antara bakal calon BN yang bertanding nanti.